

# 01.

ALMAZ  
arkitek  
[Amlaz Architect]

**1. Kini kerja-kerja pengubahsuaian bagaikan satu kemestian di kalangan pemilik kediaman. Adakah tahun 2006 merupakan tahun yang sesuai dilakukan kerja-kerja ubah suai ini?**

Tahun mana pun sesuai untuk melakukan pengubahsuaian. Yang mustahak ialah tuan punya rumah telah memikirkan sedalam-dalamnya mengenai reka bentuk renovasi, serta peruntukan dan kemampuan untuk menyiapkan kerja-kerja renovasi. Selepas mendapat sebut harga daripada kontraktor, eloklah tuan rumah menyediakan sekurang-kurangnya lebih 30 peratus daripada harga sebut harga kerana kos pengubahsuaian selalunya melebihi peruntukan.

**2. Ramai di kalangan kita mempunyai peruntukan untuk melakukan pengubahsuaian. Tetapi malangnya, ramai juga yang tidak tahu apakah yang perlu diberi perhatian dan bagaimana bentuk ubah suai itu perlu dilakukan. Jadi apakah elemen binaan yang perlu diberi tumpuan semasa membuat sesuatu pengubahsuaian?**


Apabila seseorang itu melakukan pengubahsuaian pada kediaman, elemen yang patut ditekankan selain meluaskan ruang kediamannya ialah aspek pencahayaan dan pengudaraan ruang. Perkara ini memang perlu dititikberatkan juga demi keselesaan yang lebih terhad.

**3. Kini ramai yang gemarkan penggunaan bahan semula jadi dan separa semula jadi. Jadi, apakah sebenarnya bahan binaan yang boleh diberi tumpuan bagi mereka yang berhajat untuk menaikkan taraf rekaan kediaman?**

Saya rasa bahan-bahan asli iaitu batu dan kayu masih akan kekal menjadi material yang popular pada tahun 2006. Bahan-bahan ini adalah semula jadi dan serasi dengan kewujudan manusia. Lagi pun, batu dan kayu boleh diperolehi dalam pelbagai bentuk, corak dan warna dan boleh digunakan dalam rekaan tradisi ataupun kontemporari.

**4. Bagaimanakah caranya untuk kita mendapatkan ruang yang bukan sahaja luas, tetapi nyaman tanpa menggunakan alat penghawa dingin secara total?**

Gunakan cermin dalam pelbagai bentuk dan di mana-mana tempat; berbingkai, tanpa bingkai, sebagai dinding, pintu, pintu almari, belakang ukiran, dalam almari, dalam kolam dan sebagainya. Tingkatkan kualiti pengudaraan dan pencahayaan dengan membesarkan tingkap untuk membenarkan udara masuk. Gunakan elemen pengadang cahaya untuk menapis sinar matahari di luar rumah sebelum ia masuk ke dalam rumah seperti unjuran bumbung yang lebar ataupun kekisi kayu atau aluminium di luar tingkap. Memang elok untuk memikirkan perihal sinaran matahari kerana ia akan memanaskan rumah dan membuat kediaman amat tidak selesa. Memandangkan kos tarif elektrik akan naik pada tahun 2006, maka eloklah kita semua mengambil tindakan untuk mengurangkan penggunaannya.



Apabila seseorang itu melakukan pengubahsuaian pada kediaman, elemen yang patut ditekankan selain meluaskan ruang kediamannya ialah aspek pencahayaan dan pengudaraan ruang.

# Trend 2006

# 2006 Pakar Memberikan Pandangan

Tahun baru datang lagi. Bagi sesetengah orang, inilah masanya untuk mengubah suai kediaman. Ramai juga yang akan melangkah ke rumah baru bermula awal tahun ini. Tentu sibuk mencari konsep atau membuat tata hias bagi mengindahkan kediaman. Apakah gaya yang menepati cita rasa atau jenis perabot yang perlu dimiliki agar peruntukan yang ada tidak lebih daripada sepatutnya.

Aliran 2005 telah banyak memberi kita gaya ranggi yang menarik. Bagaimana pula rentak rekaan atau aliran 2006? IMPIANA cuba mendapatkan pandangan, ramalan dan tip menarik daripada 20 orang pereka dan pakar berbakat tanah air. Hayati pandangan mereka dengan betul agar anda tidak tersasar gaya sepanjang tahun ini nanti.

- |   |  |   |  |
|---|--|---|--|
| 01. ALMAZ<br>arkitek                          | 06. SHAMSUL SHAHIRAN<br>pereka landskap      | 11. FAZLEE SABARUDIN<br>pereka bentuk dalaman | 16. TUAN MANIZAN<br>pereka landskap      |
| 02. FARHAN IRFAN<br>arkitek                   | 07. NIK AFIZAL<br>pereka bentuk dalaman      | 12. AZNOL HADI<br>pereka bentuk dalaman       | 17. ENY SUHAIDA HASSAN<br>arkitek        |
| 03. AFFA GHAZI<br>pereka 3D                   | 08. GILBERT FRANCIS<br>pereka bentuk dalaman | 13. NORDIN MD. SALLEH<br>pereka landskap      | 18. NIK NARIWAN<br>pereka bentuk dalaman |
| 04. FRANCIS LEONG<br>pereka bentuk dalaman    | 09. FAIROZ<br>pereka bentuk dalaman          | 14. MOHD NOOR HISHAM<br>pereka landskap       | 19. RETNA PILLAY<br>pereka dalaman       |
| 05. MEOR A. ZUKHAIRI<br>pereka bentuk dalaman | 10. DINOZ<br>pereka landskap                 | 15. BENNY BOO<br>pereka bentuk dalaman        | 20. ROY IDRIS<br>pereka bentuk dalaman   |

PENULIS & PENYELARAS: FAIZAL ODA FOTOGRAFI: ASRIL, KHAIRUL FITRI, IZARI, SAM TAJUDDIN, MAZLAN MOHAMED, ROSLI, SHAHRUL NIZAM, MIZAN, SUZITA, ABOI DAN NATRAH, TERIMA KASIH KEPADA PETER HOE, SARANG MURAI, CASA GARDEN, ZETA BAR, TIGA CONCEPT, DAN SYOMIR IZWA.